

Untuk percepat proses industrialisasi

# Ilmu mesti dipraktikkan

23 JUN 1988

KUALA LUMPUR, Jumaat — Perdana Menteri berkata pemegang ijazah di negara ini tidak harus diberi penilaian secara automatik sekiranya ilmu yang mereka perolehi tidak digunakan secara praktikal untuk mempercepatkan proses industrialisasi negara.

Menurut Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ini ialah kerana ijazah dari institusi pengajian tinggi tidak bermakna semua kerja boleh dibuat oleh pemegangnya, melainkan pemegang ijazah itu sudah membuktikan kemampuan mereka mempraktikkan ilmu yang diperolehi untuk kemajuan masyarakat dan negara.

Katanya negara tidak memerlukan jurutera berkolar putih yang duduk dalam bilik berhawa dingin dan berfungsi sebagai pentadbir, serta golongan profesional yang mengejar ijazah seumur hidup tanpa menggunakan pengetahuannya dalam kehidupan diri dan membantu masyarakat.

"Yang kita perlukan ialah mereka yang setelah lulus ijazah pertama kemudian menggunakan pengetahuannya secara praktikal, dan setelah jelas ilmunya memberi faedah kepada diri sendiri, masyarakat dan negara, barulah mengejar ijazah lebih tinggi.

"Oleh itu, hanya setelah seseorang itu terlatih dalam jurusan tertentu, mempunyai pengalaman yang luas dan umurnya sudah

meningkat, barulah mereka patut diberi tempat sebagai pentadbir atau pengembang ilmu.

"Dalam sebuah negara yang pesat membangun seperti Malaysia, belajar semata-mata kerana ingin belajar tidak harus mendapat penilaian yang tinggi jika dibandingkan mereka yang belajar kerana ingin menggunakan ilmu pengetahuan itu bagi kemajuan masyarakat dan negara," katanya ketika menyampaikan ucapan dasar di Perhimpunan Agung Umno hari ini.

## Perhatian

Beliau mahu penggunaan teknologi moden secara praktik diberi perhatian wajar di sekolah dan universiti kerana pertumbuhan industri memerlukan rakyat bukan sahaja tahu bagaimana peralatan moden berfungsi, tetapi tahu juga menggunakan peralatan itu untuk mengeluarkan barangan bermutu tinggi atau melaksanakan kerja dengan berkesan.

Untuk itu katanya fungsi pendidikan perlu dikaji dari semasa ke semasa dan tekanan mesti diberi kepada ilmu yang berkaitan dengan kerja yang perlu dilaksanakan.